

Niaga pakaian sukan

Chuan Sin turut jalankan perniagaan bahan cetakan pada harga berpatutan

Oleh Nor Azma Laila
norazma@bh.com.my

Kuala Lumpur: Menyedari minat mahasiswa universiti memiliki pakaian sukan yang beraneka warna dan jenis memberi idea buat pelajar **Universiti Malaysia Pahang (UMP)**, Pan Chuan Sin, mengorak langkah menceburi bidang perniagaan mencetak pakaian sukan.

Pelajar Teknologi Kejuruteraan Awam itu memulakan perniagaan dalam bidang percetakan dengan memfokuskan kepada perkhidmatan cetakan pakaian sukan antaranya jersi yang turut didatangkan dengan set lengkap berserta seluar, baju lengan panjang muslimah dan t-shirt.

Chuan Sin turut menawarkan perkhidmatan reka bentuk pakaian berdasarkan permintaan pelanggan dengan harga yang berpatutan bermula dari RM10 hingga RM50, bergantung kepada kuantiti, reka bentuk dan bahan yang digunakan.



Chuan Sin menunjukkan produk yang dihasilkan oleh Sport Tech Apparel.

“Saya juga menjalankan perniagaan bahan cetakan seperti kain rentang, bunting, risalah dan kad bagi kegunaan program di UMP.

“Harga yang ditawarkan jauh lebih murah dan berpatutan jika dibandingkan dengan kedai percetakan di bandar Kuantan. Selain itu, saya juga mampu menyiapkan tugas pada saat akhir dengan cepat mengikut keperluan pelanggan,” katanya.

Meskipun terikat dengan kesibukan jadual kuliah, ia bukanlah penghalang kepada Chuan Sin untuk menceburi bidang perniagaan, sekali gus dapat menimba pelbagai pengalaman

Chuan Sin memberi penerangan mengenai mesin percetakan yang digunakan oleh Sport Tech Apparel.



berharga.

Selain dapat berdikari dan dalam masa yang sama menajana pendapatan sampingan, anak jati Terengganu itu puas apabila keuntungan yang diraih kira-kira RM2,000 sebulan mampu menampung perbelanjaan diri tanpa membebankan keluarga.

Berkongsi pengalaman pahit manis yang dihadapi sepanjang

menjalankan perniagaan Chuan Sin berkata, cabaran terbesar pernah dihadapi adalah dalam memasarkan produk kepada pengguna yang memerlukan masa lama.

“Saya berterima kasih kepada Pusat Keusahawanan UMP kerana banyak memberi bimbingan dan tunjuk ajar terutamanya dalam pengurusan pelan perniagaan, selain membuka

ruang bagi mahasiswa untuk memasarkan produk mereka.

“Pada masa depan, saya berhasrat membuka peluang pekerjaan secara sepenuh masa dan separuh masa kepada mahasiswa UMP. Bagi yang berminat untuk membuat tempahan pakaian atau mereka yang berminat menceburi bidang ini boleh menghubungi *Sport Tech Apparel*,” katanya.